

25/02/1998

Tenaga mahir, sikap terbuka penentu kejayaan

M Azlan Jaafar

KEJAYAAN utama persidangan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berlangsung baru-baru ini menjangkau jaminan dan komitmen berbentuk pelaburan terus asing (FDI), infrastruktur atau teknikal.

Apa yang penting kepada perwakilan IAP yang hadir ialah untuk mengetengahkan isu berkaitan MSC serta mengukur jawapan Malaysia kepada beberapa kerisauan yang mereka bawa ke tapak Cyberjaya.

Pelabur antarabangsa terutamanya mahukan gambaran jelas hala tuju MSC dan langkah strategik kerajaan Malaysia dalam menangani beberapa isu penting.

Maklumat ini kemudian akan dibawa pulang untuk disampaikan kepada pihak syarikat. Jika mereka pulang dengan 'penuh keyakinan', peluang pelaburan mereka ke MSC lebih cerah.

Yang penting ialah bagaimana tapak ujian bersaiz 15 x 50 Km itu dapat dijadikan pelaburan strategik kepada keseluruhan operasi antarabangsa mereka.

Input syarikat asing juga kritikal bagi memastikan MSC berada pada landasan yang betul dan membolehkan pembetulan dilaksanakan bila perlu.

Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata dua isu penting mendapat perhatian.

Katanya, isu pertama ialah kepentingan dasar kerajaan yang seragam dan kedua, kehadiran sistem toleran yang dapat mengekalkan pembangunan.

Perwakilan turut mahukan jaminan dasar kerajaan dalam pelaksanaan MSC supaya seragam agar terdapat kesinambungan di bawah kepemimpinan lain di masa depan.

Sokongan semua pemimpin ketika sesi networking IAP memperteguhkan visi yang projek itu mendapat sokongan barisan pemimpin negara. Faktor yang tidak kurang penting ialah sokongan masyarakat.

Naib Presiden Siemens Nixdorf Informationssysteme AG, Axel Hass, berkata terdapat kecenderungan kepada teknologi di negara ini.

Beliau yang menaiki keretapi dari Bangkok ke Kuala Lumpur untuk melihat sendiri kehidupan masyarakat, berkata secara am masyarakat berminat dengan MSC.

"Ia membuka peluang untuk aplikasi dikembangkan ke seluruh negara," katanya.

Selain itu persoalan keperluan tenaga pekerja turut diketengahkan.

Pelabur diberi jaminan soal mendapatkan sumber tenaga kerja intelek tidak akan menjadi masalah kerana institusi pengajian tinggi tempatan mampu melahirkan sehingga 7,000 graduan setahun.

Pada masa yang sama, kerajaan akan membenarkan kemasukan tenaga kerja yang sama dari luar dengan memberi kelonggaran tertentu.

Satu lagi isu kritikal yang disuarakan oleh sebilangan besar perwakilan ialah perlunya Malaysia bersikap terbuka dalam melaksanakan projek koridor maklumatnya.

Penasihat Kanan Pusat Strategik dan Antarabangsa Amerika Syarikat (AS) Diana Lady Dougan, berkata kesanggupan untuk mendengar, melakukan pembetulan dan bersikap fleksibel penting dalam pembangunan MSC.

Beliau memberi persamaan Lembah Silikon yang menekan keupayaan kreatif dan kesanggupan untuk menjadikan MSC tapak ujian bagi idea dan pemikiran baru.

Diana turut menegaskan bahawa syarikat di sini juga perlu berani untuk menghadapi kegagalan.

Ketika sidang akhbar Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, isu penyediaan `safety net' kepada syarikat MSC telah dibangkitkan.

Profesor William Miller dari Universiti Stanford turut menekankan kepentingan untuk bersikap fleksibel dalam pembangunan MSC.

Katanya, walaupun MSC dirancang dengan teliti, kerajaan Malaysia memberi jaminan untuk bersikap fleksibel.

Naib Presiden Hewlett-Packard Co, Alex Sozonoff, berkata cabaran utama MSC ialah untuk menjadi fleksibel.

"Tiada siapa mengetahui bagaimana teknologi akan berubah, MSC harus bergerak ke hadapan, berubah dan mengambil standard, undang-undang siber, terutama komponen elektronik," katanya.

Beliau menekankan Malaysia perlu fleksibel dan membuat perubahan bila dirasakan perlu.

Bilangan perwakilan IAP yang agak besar mungkin mempunyai kesannya sendiri kerana terdapat percanggahan antara syarikat terbabit dalam perniagaan. Faktor itu membawa persoalan sama ada badan pengawas khusus perlu diwujudkan.

Mewakili pengerusi syarikat HP, Lewis Platt, Sozonoff menolak perlunya diadakan badan pengawas atau "watchdog".

"Badan seperti itu tidak berkesan dan ia bukan kaedah yang betul. Usaha harus ditumpukan bagi menjadikan MSC diterima sebagai pusat korporat dan kemahiran kukuh dalam dunia digital".

Katanya, pencapaian status seperti yang dicapai oleh Lembah Silikon itu menjadikan proses pemilihan MSC sesuatu yang semula jadi di kalangan syarikat bila memperkatakan pembangunan perisian.

Terdapat idea yang menuju ke arah pencapaian status "self-independent" kerana ia mempunyai kebaikan besar dan elemen untuk meletakkan MSC di hadapan saingannya.

"Lebih cepat ia kukuh, ia akan menjadi lebih kuat," kata Sozonoff lagi.

Terdapat pandangan projek MSC ialah peluang untuk membuat keuntungan segera.

Nasihat Sozonoff ialah supaya syarikat melihat projek MSC sebagai inisiatif jangka panjang dan akan mengambil 10 hingga 20 tahun.

"Ambil pandangan jangka panjang dan ia bukan untuk oportunist," katanya lagi.

Dasar yang seragam, pelaksanaan fleksibel, pembangunan sumber manusia, semangat keusahawanan, adaptasi teknologi dan standard serta kepentingan MSC menjadi "self-independent" adalah antara perkara yang berbangkit di IAP kedua ini.

Semua faktor itu akan menjadikan MSC lebih kukuh atau "resilient" dalam menangani cabaran masa depan teknologi digital.

(END)